

WELFARE OF COVID-19 VICTIMS IN ACCORDANCE WITH MAQASID SHARIAH

KEMASLAHATAN MANGSA COVID-19 MENURUT NERACA MAQASID SHARIAH

Mohd Izzuddin Mohd Noorⁱ & Fatimah Nadirah Mohd Noorⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka. izzuddin@unimel.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka. fatimahnadirah@unimel.edu.my

Abstract	<p><i>The COVID-19 outbreak is a tragedy that has had a devastating impact on humans. Patients infected with COVID-19 were among those directly impacted. As a result, the well-being of COVID-19 patients must be preserved so that they can live their lives normally, especially after they have been confirmed to have recovered. The researcher believes that COVID-19 patients' needs can be met within the framework of Maqasid Syariah. As a consequence, an objective study was devised to examine the well-being of COVID-19 victims from the standpoint of Maqasid Shariah. The researcher obtained information about benefits, COVID-19, and Maqasid Syariah from turath and contemporary books, scholarly studies, current fatwas, and newspapers for this qualitative study. This data will then be examined and analysed to obtain a true picture of the benefits of COVID-19 patients from the perspective of Maqasid Syariah. According to the study's findings, Maqasid Syariah is a method that can be used to ensure the well-being of COVID-19 patients. In conclusion, the welfare of COVID-19 patients is something that can be worked on and dug from the knowledge of Maqasid Syariah, which is very flexible and resilient in the face of time and circumstance challenges.</i></p> <p><i>Keywords: Welfare, Patient, COVID-19, Maqasid, Syariah.</i></p>
Abstrak	<p><i>Penularan wabak COVID-19 merupakan satu tragedi yang telah memberikan kesan yang sangat hebat kepada manusia. Antara mereka yang mendapat kesan langsung ialah pesakit yang dijangkiti COVID-19. Maka kemaslahatan pesakit COVID-19 haruslah dipelihara agar mereka dapat meneruskan kehidupan seperti biasa terutamanya selepas daripada mereka disahkan telah sembuh. Pengkaji berpandangan bahawa kemaslahatan pesakit COVID-19 dapat dipenuhi dalam kerangka Maqasid Syariah. Maka satu kajian dirangka berobjektif bagi mengkaji kemaslahatan mangsa COVID-19 dari perspektif Maqasid Shariah. Kajian ini berbentuk kualitatif, di mana pengkaji mendapatkan maklumat berkaitan dengan kemaslahatan, COVID-19, dan Maqasid Syariah daripada kitab-kitab turath dan kontemporari, kajian ilmiah, fatwa semasa dan juga akhbar-akhbar. Maklumat ini kemudiannya akan diteliti dan dianalisis bagi mendapat gambaran sebenarnya tentang kemaslahatan pesakit COVID-19 dari sudut pandang Maqasid Syariah. Hasil kajian mendapati Maqasid Syariah merupakan satu pendekatan yang boleh diaplikasikan bagi menjamin kemaslahatan pesakit COVID-19. Kesimpulannya kemaslahatan pesakit COVID-19 adalah perkara yang boleh digarap dan digali daripada ilmu Maqasid Syariah yang bersifat sangat fleksibel dan anjal dalam menghadapi cabaran tuntutan masa dan keadaan.</i></p> <p><i>Kata kunci: Kemaslahatan, Pesakit, COVID-19, Maqasid, Syariah.</i></p>

PENDAHULUAN

Hampir lebih daripada dua tahun berlalu, dunia telah bergelut dengan sejenis virus yang dikenali dengan COVID-19. Hal ini berlaku sejak kes pertama yang dilaporkan di China atau lebih khususnya di Wilayah Wuhan pada 31 Disember 2019 (Julio Torales et. al, 2020). Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) telah mengadakan mesyuarat pada 30 Januari 2020, dan telah mengisytiharkannya sebagai public health emergency. Pada 11 Februari 2020, WHO telah mengumumkan COVID-19 sebagai nama rasmi bagi penyakit daripada jenis coronavirus ini (Salahuddin, 2020). Di Malaysia kes pertama COVID-19 telah dilaporkan pada 25 Januari 2020, dan kematian pertama disebabkan COVID-19 berlaku pada 17 Mac 2020 (Lekhraj Rampal & Liew Boon Seng, 2020).

COVID-19 merupakan sejenis penyakit berjangkit daripada kumpulan Coronavirus. Coronavirus (CoV) adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Terdapat beberapa jenis coronavirus seperti severe acute respiratory syndrome coronavirus (SARS) dan Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus (MER-CoV). Coronavirus terbaru yang ditemui di China adalah Coronavirus 2019 (COVID-19) (MyHealth, 2020). Menurut Siti Masayu Rosliyah & Fatimah (2020), kebanyakan pesakit COVID-19 pada peringkat tinggi, akan mengalami kesukaran bernafas sehingga memerlukan rawatan khas, manakala pesakit COVID-19 di kalangan warga emas dan mempunyai penyakit seperti jantung, diabetes menyebabkan keadaan mereka lebih berisiko tinggi. Setakat kajian ini dilakukan, jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia ialah sebanyak 360 856, dengan jumlah kematian yang direkodkan ialah sebanyak 1329 (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif, di mana pengkaji mendapatkan maklumat berkaitan dengan kemaslahatan, COVID-19, dan Maqasid Syariah daripada kitab-kitab turath dan kontemporari, kajian ilmiah, fatwa semasa dan juga akhbar-akhbar. Maklumat ini kemudiannya akan diteliti dan dianalisis bagi mendapat gambaran sebenarnya tentang kemaslahatan pesakit COVID-19 dari sudut pandang Maqasid Syariah.

KEMASLAHATAN

Ianya berasal daripada perkataan masalah. Ianya seperti manfaat (Ibn Manzur, 1993), juga membawa maksud kebaikan dan petunjuk (al-Fayumiyy, t.t). Secara umumnya, perkataan kemaslahatan boleh diterjemahkan atau difahami dalam Bahasa Melayu sebagai kebaikan, kebajikan, dan manfaat.

Dari sudut istilah pula, menurut al-Ghazaliyy (1993), masalah ialah menjaga kehendak syarak iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta benda. Setiap perkara yang menjamin kelangsungan kelima-lima perkara ini dianggap juga sebagai masalah. Maka dalam kajian ini, skop kemaslahatan pesakit COVID-19 ini akan ditinjau daripada perspektif penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta benda terhadap pesakit COVID-19.

MAQASID SYARIAH

Antara keistimewaan khazanah ilmu Fiqh Islam yang merupakan ilmu bersistematik dan mempunyai metod pengajian yang hebat ialah dengan kewujudan ilmu Maqasid Syariah selain daripada ilmu Usul Fiqh dan lain-lain lagi. Maqasid Syariah membawa maksud makna-makna, hikmah-hikmah yang ditetapkan oleh syarak dalam kesemua atau kebanyakan keadaan pensyariaan sesuatu hukum (Ibn 'Ashur, 2004).

Menurut al-Syatibiyy (1997), Maqasid Syariah terbahagi kepada Daruriyyah, Hajiyyah, dan Tahsiniyyah. Daruriyyah ialah perkara yang diperlukan untuk menegakkan urusan agama dan dunia iaitu yang melibatkan pemeliharaan agama, nyawa, keturunan, harta dan akal. Manakala Hajiyyah ialah perkara yang diperlukan di mana ianya memberikan keluasan, menghilangkan kesempitan, yang secara lazimnya akan membawa

kepada kesusahan dan kepayahan. Tahsiniyyah pula ialah perkara yang berkaitan dengan adat yang baik dan akhlak yang mulia.

Oleh kerana perbincangan berkaitan dengan Maqasid Syariah adalah luas, maka pengkaji akan memfokuskan kajian ini hanya kepada Daruriyyah sahaja memandangkan ianya merupakan bahagian Maqasid Syariah yang terpenting dan perlu diutamakan berbanding dengan bahagian-bahagian yang lain.

MEMELIHARA AGAMA

Pemeliharaan agama membawa maksud melaksanakan rukun dan hukum agama dalam kehidupan (al-Khadimiyy, 2001). Ianya terangkum dalam tiga aspek iaitu, islam, iman dan ihsan (al-Raysuniyy, 1992). Rukun Islam sebagaimana yang diketahui umum ialah lima perkara sebagaimana yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam hadith:

{ بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَالْحَجِّ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ }.

Maksudnya: "Dibina Islam atas lima perkara: Mengucap dua kalimah bahawa tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Muhammad pesuruh Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, mengerjakan haji, dan puasa di Bulan Ramadan" (Hadith. al-Bukhariyy. Bab Qaul al-Nabiyy SAW "Buniya al-Islam Ala al-Khams". 8).

Manakala rukun iman pula ialah enam perkara sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

{ أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ، وَمَلَائِكَتِهِ، وَكُتُبِهِ، وَرُسُلِهِ، وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، وَتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ }

Maksudnya: "Kamu beriman kepada Allah, malaikat-malaikatnya, kitab-kitabnya, rasul-rasulnya, hari akhirat, dan kamu beriman dengan taqdir sama ada yang baik mahupun yang buruk". (Hadith. Muslim. Bab Ma'rifah al-Iman Wa al-Islam Wa al-Qadr Wa 'Alamat al-Sa'ah. 1).

Ihsan pula diterangkan oleh Rasulullah dalam hadith yang sama iaitu:

{ أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ }

Maksudnya: "Kamu beribadahkan kepada Allah seperti kamu melihat Allah, jika kamu tidak dapat merasakan sedemikian, ketahuilah sesungguhnya Dia melihat kamu" (Hadith. Muslim. Bab Ma'rifah al-Iman Wa al-Islam Wa al-Qadr Wa 'Alamat al-Sa'ah. 1)

Menurut al-Sa'adiyy (2002), ihsan terbahagi kepada dua kategori; yang pertama ialah sebagaimana yang telah dinyatakan melalui hadith di atas. Kedua, ihsan ialah memberikan manfaat walau dalam bentuk apa sekalipun kepada semua makhluk Allah SWT. Secara umumnya hukum pula terbahagi kepada tujuh iaitu, wajib, sunat, harus, haram, makruh, sah dan batal (al-Haramayn, t.t). Manakala hukum secara terperinci pula menurut jumhur ulama Usul Fiqh ialah perintah Allah SWT berkaitan dengan perbuatan mukallaf sama ada dalam bentuk permintaan melakukan sesuatu atau meninggalkan sesuatu, memberikan pilihan, dan juga sebab, syarat, halangan, sah, batal, aziman, rukhsah kepada sesuatu perkara (al-Zuhayliyy, 1987).

Bentuk-bentuk pemeliharaan agama menurut perspektif Maqasid Syariah ialah keimanan kepada Allah dan hari akhirat, dan melakukan ibadah pengabdian secara berterusan sama ada yang berbentuk wajib mahupun yang sunat (al-'Alim, 1994). Pada pandangan pengkaji, kemaslahatan pesakit COVID-19 melalui pemeliharaan agama ialah seperti berikut:

1. Menerima ketentuan Allah SWT yang telah menguji mereka melalui jangkitan penyakit COVID-19 dengan perasaan sabar dan redha. Hal ini adalah kerana elemen keimanan yang perlu diperteguhkan dalam diri semua pesakit COVID-19 agar dapat menempuh

hari yang mendatang dalam semua keadaan dengan lebih baik. Bahkan ujian yang datang ini sebenarnya suatu rahmat dengan diganjar pahala oleh Allah SWT sebagaimana yang dijelaskan oleh hadith Rasulullah SAW iaitu:

{عِظَمُ الْجَزَاءِ مَعَ عِظَمِ الْبَلَاءِ، وَإِنَّ اللَّهَ إِذَا أَحَبَّ قَوْمًا ابْتَلَاهُمْ، فَمَنْ رَضِيَ فَلَهُ الرِّضَا، وَمَنْ سَخِطَ فَلَهُ السُّخْطُ}

Maksudnya: “*Besar ganjaran bersama dengan besarnya ujian, sesungguhnya Allah apabila sayang akan sesuatu kaum, maka Dia akan menguji mereka. Sesiapa yang redha, maka dia mendapat redha Allah. Sesiapa yang tidak suka, maka dia akan mendapat kemurkaan Allah.*” (Hadith. Ibn Majah. *Bab al-Sabr ‘Ala al-Balak*. 4031).

2. Melaksanakan segala kewajipan ibadah mengikut kemampuan dan keadaan masing-masing. Ketua keluarga, penjaga, atau ibu bapa perlu memastikan mereka yang di bawah tanggungan menunaikan ibadah solat lima waktu sehari semalam. Hal ini adalah kerana mereka yang positif COVID-19 masih wajib menunaikan ibadah solat selagi mana waras berfikir. Malah mereka wajar menggunakan masa yang ada untuk lebih mendekati diri kepada Allah SWT dengan memperbanyakkan amalan-amalan soleh dan sunat seperti solat sunat, membaca al-Quran dan lain-lain lagi. Semua ini dilakukan dengan perasaan ikhlas dan khusyuk mengharapkan pertolongan dan kesembuhan daripada Allah SWT.
3. Meneruskan ibadah puasa seperti biasa walaupun sebelum itu terpaksa menjalani ujian swab kerana ujian tersebut tidak membatalkan puasa. Ini sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri (Sinar Harian, 2020).
4. Melaksanakan pembayaran zakat melalui atas talian yang boleh mengelakkan jangkitan virus daripada pesakit COVID-19 kepada orang lain tanpa melibatkan sebarang interaksi dan komunikasi lisan.
5. Menangguhkan pelaksanaan ibadah haji, apatah lagi pada waktu sekarang, kerajaan Arab Saudi masih belum membuka peluang kepada rakyat negara luar untuk menunaikan ibadah haji.

MEMELIHARA NYAWA

Pemeliharaan nyawa membawa maksud menunaikan hak nyawa untuk kehidupan, kesejahteraan, dan kemuliaan (al-Khadimiyy, 2001). Nyawa di sini ialah yang diharamkan untuk dibunuh melibatkan dua jenis iaitu nyawa orang Islam, nyawa orang bukan Islam yang tinggal di negara umat Islam (Aminuddin, t.t). Hal ini menunjukkan bahawa aspek pemeliharaan nyawa ini merupakan isu kemanusiaan sejagat tanpa mengenal batasan agama dan kepercayaan.

Bentuk-bentuk pemeliharaan nyawa menurut perspektif Maqasid Syariah ialah tidak mendedahkan diri kepada sebarang risiko kemungkinan kehilangan nyawa, mencegah daripada sebarang penyakit dan wabak, menjaga kesihatan (al-‘Atiyy, 2007). Pada pandangan pengkaji, kemaslahatan pesakit COVID-19 melalui pemeliharaan nyawa ialah seperti berikut:

1. Memastikan aktiviti kuarantin dijalankan dan dipatuhi dengan sebaik mungkin oleh pesakit COVID-19 sama ada dilakukan di kediaman masing-masing mahupun di pusat kuarantin yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Peraturan dan undang-undang dalam bentuk hukuman penjara mahupun denda maksimum boleh digunakan sebagai medium untuk mengelakkan sebarang pelanggaran arahan kuarantin yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Ini adalah kerana ianya berkaitan dengan nyawa manusia yang sangat bernilai.

2. Memastikan aktiviti sanitasi dan nyahkuman dilakukan di semua premis perniagaan yang telah dikunjungi oleh pesakit COVID-19 mahupun rumah kediaman mereka sendiri dalam kadar tempoh masa yang segera.
3. Memastikan tahap kesihatan pesakit COVID-19 dapat dipantau dengan baik terutamanya kepada golongan yang berisiko tinggi di kalangan warga emas, dan mereka yang mengidap penyakit-penyakit kronik. Hal ini bagi memastikan mereka dapat sembuh dan pulih daripada serangan virus COVID-19.
4. Memastikan pesakit COVID-19 tidak hadir menunaikan solat secara berjemaah di masjid dan surau atau melibatkan diri dengan mana-mana aktiviti di tempat berkenaan. Hal ini bukan sahaja bagi mengelakkan kemudahan jangkitan virus COVID-19 terhadap orang lain, tetapi yang lebih penting untuk mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diinginkan berlaku kepada pesakit COVID-19 seperti pengsan dan membawa kepada kematian.

MEMELIHARA AKAL

Pemeliharaan akal membawa maksud mengelakkan sebarang perkara yang boleh menghilangkan dan merosakkan fungsi akal (al-Khadimiyy, 2001). Hal ini adalah kerana fungsi akal yang sangat besar dalam kehidupan seseorang manusia. Dengan akal, manusia dapat mengenal tuhan, memahami arahan dan larangannya, dan melaksanakan segala hukum hakam syarak (Muhammad Bakar, 2006).

Bentuk-bentuk pemeliharaan akal menurut perspektif Maqasid Syariah ialah mengharamkan semua minuman yang memabukkan dan menjauhkan diri daripadanya (Al-Wardi, 2006). Pemeliharaan akal juga berlaku dengan seruan menambahkan ilmu pengetahuan dengan proses pembelajaran dan pengajaran selain daripada mengelakkan sebarang bentuk was was, dan pemikiran negatif yang membinasakan (Muhammad Bakar, 2006). Pada pandangan pengkaji, kemaslahatan pesakit COVID-19 melalui pemeliharaan akal ialah seperti berikut:

1. Memastikan pesakit COVID-19 tidak berada dalam keadaan tertekan atau stress dengan apa yang telah menimpa terhadap diri mereka. Pegawai khidmat kaunseling mestilah ditempatkan di pusat kuarantin bagi memantau keadaan emosi dan psikologi pesakit COVID-19.
2. Memastikan tiada sebarang minuman arak yang memabukkan berada dalam pusat kuarantin, malah pesakit COVID-19 tidak dibenarkan untuk meminum arak walau di mana sahaja mereka berada. Hal ini adalah kerana kita sedia maklum bahawa minuman keras boleh menyebabkan fungsi akal manusia akan hilang sehingga boleh mencetuskan sebarang kemungkinan seperti pergaduhan, pertengkaran, mahupun pembunuhan. Ini akan dapat memburukkan lagi keadaan yang telah sedia teruk.
3. Memastikan tiada sebarang penyalahgunaan ubat-ubatan, dadah, mahupun produk kesihatan yang tidak mendapat pengesahan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia di kalangan pesakit COVID-19 dalam usaha mereka merawat untuk sembuh daripada virus COVID-19.
4. Memastikan tiada mana-mana pihak yang menyalahkan dan mencemooh pesakit COVID-19 terhadap apa yang telah menimpa ke atas mereka apabila didapati telah positif COVID-19. Selain daripada itu, mereka tidak harus dilayan sebagai penjenayah kerana apa yang telah berlaku bukanlah disebabkan kesalahan mereka seratus peratus, melainkan jika didapati mereka memang telah melanggar *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan. Dalam masa yang sama, walaupun terdapat di kalangan mereka yang telah mengingkari SOP tersebut, mereka sepatutnya dididik dengan cara yang berhikmah dan lemah lembut.
5. Memberikan ilmu pengetahuan dan maklumat kepada pesakit COVID-19 akan perkara sebenar, risiko, dan kesan jangka masa panjang akibat daripada penyakit COVID-19. Hal ini dapat menjadi panduan dan pedoman mereka terutamanya selepas daripada keluar daripada pusat kuarantin atau telah bebas daripada tempoh kuarantin.

MEMELIHARA KETURUNAN

Pemeliharaan keturunan membawa maksud meneruskan kelangsungan kehidupan manusia (Nu'man, 2019). Hal ini adalah kerana kehidupan dapat diterus dengan diwarisi dan diganti dengan keturunan anak-anak pewaris yang soleh dan solehah.

Bentuk-bentuk pemeliharaan keturunan menurut perspektif Maqasid Syariah ialah pensyariaan hukum-hakam perkahwinan (al-Alim, 1994), pengharaman zina dan menutup jalan yang membawa kepada zina seperti berkhawat, bertabarruj, dan memandang dengan pandangan bersyahwat (al-Khadimiyy, 2001). Pada pandangan pengkaji, kemaslahatan pesakit COVID-19 melalui pemeliharaan keturunan ialah seperti berikut:

1. Memastikan pusat kuarantin merupakan tempat yang bebas daripada jenayah zina, rogol, dan liwat. Pengasingan tempat antara jantina berlainan perlu dilakukan. Satu blok dikhususkan sesama wanita, manakala satu blok jauh yang lain dikhususkan sesama lelaki. Manakala semua pesakit COVID-19 sama ada lelaki mahupun perempuan di pusat kuarantin mestilah menjaga dan menutup aurat masing-masing bagi mengelakkan sebarang fitnah syahwat yang boleh mengundang gangguan seksual bukan sahaja di kalangan jantina berlainan termasuk jantina yang sama.
2. Memastikan akses internet di pusat kuarantin dipantau dan diselia bagi mengelakkan sebarang penyalahgunaan kemudahan tersebut dengan menonton bahan-bahan lucah dan pornografi sepanjang keberadaan mereka di pusat kuarantin.
3. Memastikan akad perkahwinan pesakit COVID-19 yang telah dirancang dilakukan sekadar memenuhi syarat dan rukun sahnya sesuatu perkahwinan. Hal ini dapat dilakukan dengan cara pernikahan yang dijalankan atas talian. Namun jika sekiranya, keadaan ini tidak dapat dilaksanakan, akad perkahwinan ini seharusnya ditangguhkan sehingga pesakit COVID-19 pulih dan sembuh.

MEMELIHARA HARTA BENDA

Pemeliharaan harta benda membawa maksud mengembangkan dan memperbanyakkan jumlah harta, menjaganya daripada hilang dan berkurangan (al-Khadimiyy, 2001). Hal ini adalah kerana harta merupakan alat atau medium pertukaran barangan bagi menjalankan kegiatan berekonomi dalam kehidupan seharian.

Bentuk-bentuk pemeliharaan harta benda menurut perspektif Maqasid Syariah ialah pemberian ganti rugi kepada harta benda yang hilang (al-Yubi, 1998), pengharaman kegiatan mencuri (Azhar, 2010). Pada pandangan pengkaji, kemaslahatan pesakit COVID-19 melalui pemeliharaan harta benda ialah seperti berikut:

1. Memastikan dan menyediakan peluang pekerjaan kepada pesakit COVID-19 yang telah dibuang kerja atau hilang pekerjaan selepas disahkan positif COVID-19. Hal ini bagi meringankan bebanan yang akan ditanggung oleh mereka terutamanya selepas sembuh dan sihat daripada jangkitan COVID-19. Sebagaimana yang diketahui bahawa pekerjaan merupakan sumber utama kewujudan harta kepada manusia, maka ianya perlu dipastikan sentiasa wujud dan dikekalkan.
2. Memberikan sumbangan dalam bentuk wang sama ada daripada harta zakat dengan ditentukan asnaf pesakit COVID-19 yang bersesuaian, dan juga daripada harta sedekah orang ramai. Perkara ini berlaku sama ada daripada pihak kerajaan, swasta, NGO, mahupun golongan perseorangan. Hal ini dapat meningkatkan motivasi dan semangat pesakit COVID-19 untuk meneruskan kehidupan seharian mereka.
3. Memastikan pusat kuarantin merupakan tempat yang selamat untuk dihuni, bebas daripada sebarang bentuk jenayah mencuri supaya harta benda pesakit COVID-19 tidak hilang. Hal ini dapat dilakukan dengan meningkatkan sistem keselamatan di pusat kuarantin selain daripada ditempatkan pegawai keselamatan, ianya juga perlu dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan lain seperti pagar berduri, kamera litar tertutup CCTV.

KESIMPULAN

Kemaslahatan pesakit COVID-19 menurut perspektif Maqasid Syariah boleh disimpulkan seperti berikut:

Menjaga Agama

Ianya merangkumi dengan menerima ketentuan Allah SWT yang telah menguji mereka melalui jangkitan penyakit COVID-19 dengan perasaan sabar dan redha. Melaksanakan segala kewajipan ibadah mengikut kemampuan dan keadaan masing-masing. Meneruskan ibadah puasa seperti biasa walaupun sebelum itu terpaksa menjalani ujian swab kerana ujian tersebut tidak membatalkan puasa. Melaksanakan pembayaran zakat melalui atas talian yang boleh mengelakkan jangkitan virus daripada pesakit COVID-19 kepada orang lain. Menangguhkan pelaksanaan ibadah haji.

Menjaga Nyawa

Ianya berkaitan dengan memastikan aktiviti kuarantin dijalankan dan dipatuhi dengan sebaik mungkin oleh pesakit COVID-19. Memastikan aktiviti sanitasi dan nyahkuman dilakukan di semua premis perniagaan dan kediaman. Memastikan tahap kesihatan pesakit COVID-19 dapat dipantau dengan baik. Memastikan pesakit COVID-19 tidak hadir menunaikan solat secara berjemaah di masjid dan surau atau melibatkan diri dengan mana-mana aktiviti di tempat berkenaan.

Menjaga Akal

Ianya melibatkan usaha memastikan pesakit COVID-19 tidak berada dalam keadaan tertekan atau stress dengan apa yang telah menimpa terhadap diri mereka. Memastikan tiada sebarang minuman arak yang memabukkan berada dalam pusat kuarantin, malah pesakit COVID-19 tidak dibenarkan untuk meminum arak walau di mana sahaja mereka berada. Memastikan tiada mana-mana pihak yang menyalahkan dan mencemooh pesakit COVID-19 terhadap apa yang telah menimpa ke atas mereka apabila didapati telah positif COVID-19. Memastikan tiada sebarang penyalahgunaan ubat-ubatan, dadah, mahupun produk kesihatan di kalangan pesakit COVID-19 dalam usaha mereka merawat untuk sembuh daripada virus COVID-19. Memberikan ilmu pengetahuan dan maklumat kepada pesakit COVID-19 akan perkara sebenar, risiko, dan kesan jangka masa panjang akibat daripada penyakit COVID-19.

Menjaga Keturunan

Ianya dilakukan dengan: memastikan pusat kuarantin merupakan tempat yang bebas daripada jenayah zina, rogol, dan liwat. Memastikan akses internet di pusat kuarantin dipantau dan diselia. Memastikan akad perkahwinan pesakit COVID-19 yang telah dirancang dilakukan sekadar memenuhi syarat dan rukun sahnya sesuatu perkahwinan.

Menjaga Harta

Ianya termasuklah usaha memastikan dan menyediakan peluang pekerjaan kepada pesakit COVID-19 yang telah dibuang kerja atau hilang pekerjaan selepas disahkan positif COVID-19. Memberikan sumbangan dalam bentuk wang sama ada daripada harta zakat dan juga harta sedekah orang ramai. Memastikan pusat kuarantin merupakan tempat yang selamat untuk dihuni, bebas daripada sebarang bentuk jenayah mencuri.

RUJUKAN

Buku

'Abd al-Malik al-Juwayniyy. t.t. *al-Waraqat Fi Usul al-Fiqh*. <https://www.noor-book.com/en/ebook-الورقات-في-اصول-الفقه-.pdf>
al-'Alim, Yusuf Hamid. 1994. *al-Maqasid al-'Ammah Li Shari'ah al-Islamiyyah*. Riyadh: al-Dar al-'Alamiyah Li al-Kitab al-Islamiyy.

- al-'Atiyy, Muhammad Abdul. 2007. *al-Maqasid al-Shar'iyyah Wa Atharuha Fi al-Fiqh al-Islamiyy*. Qaherah. Dar al-Hadith.
- Azhar, Hisham bin Sa'id. 2010. *Maqasid al-Shari'ah 'Inda Imam al-Haramayn*. Riyad: Maktabah al-Rushd.
- al-Bukhariyy, Muhammad bin Ismail. 2000. *Sahih Bukhari*. t.t: Dar Tawq al-Najah.
- al-Fayumiyy, Ahmad bin Muhammad. t.t. *al-Misbah al-Munir*. Bayrut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
- al-Ghazaliyy, Muhammad bin Muhammad. 1993. *al-Mustasfa*. t.t: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn 'Ashur, Muhammad bin Tahir. 2004. *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Qatar: Wizarah al-Awqaf Wa Shu'un al-Islamiyyah.
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid. t.t. *Sunan Ibn Majah*. t.t: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram. 1993. *Lisan al-'Arab*. Bayrut: Dar Sadir.
- al-Khadimiyy, Nur al-Din bin Mukhtar. 2001. *'Ilm al-Maqasid Shari'ah*. t.t.: Maktabah al-'Abikan.
- Muhammad Bakar Ismail Habib. 2006. *Maqasid Shari'ah Taksilan Wa Tafilan*. t.t: Rabitah al-'Alam al-Islamiyy.
- Muslim bin Hajjaj. t.t. *Sahih Muslim*. Bayrut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabiyy.
- Nu'man Jughim. 2019. *al-Muharrir Fi Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*. 'Amman: Dar al-Nafa'is.
- al-Raysuniyy, Ahmad. 1992. *Nazariyyah al-Maqasid 'Inda al-Imam al-Shatibiyy*. t.t: al-Dar al-'Alamiyyah Li al-Kitab al-Islamiyy.
- al-Sa'adiyy, 'Abd al-Rahman bin Nasir. 2002. *Bahjah Qulub al-Abrar Wa Qurrah 'Uyun al-Akhyar*. al-Sa'udiyyah: Wizarah Shu'un al-Islamiyyah Wa al-Awqaf Wa al-Da'wah Wa al-Irshad.
- al-Shatibiyy, Ibrahim bin Musa. 1997. *al-Muwafaqat*. t.t: Dar Ibn 'Affan.
- al-Wardiyy, Ja'far 'Abdullah. 2006. *al-Kuliyat al-Khams Haqiqatuha Wa Atharuha*. t.t: Maktabah al-Habib al-Mustafa.
- al-Yubi, Muhammad Sa'ad bin Ahmad. 1998. *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah Wa 'Alaqatuna Bi Adillah al-Syar'iyyah*. Riyad: Dar al-Hijrah.
- al-Zuhayliyy, Wahbah. 1987. *Usul Fiqh a-Islamiyy*. Damshiq: Dar al-Fikr.

Jurnal

- Abdul Rashid, S. M. R., & Hassan, F. 2020. *Amalan dan Penglibatan Peniaga Kecil Melalui Perniagaan Digital Semasa Pandemik COVID-19 di Malaysia*. Geografi, 8(2): 1-20.
- Julio Torales, Marcello O'Higgins, João Mauricio Castaldelli-Maia & Antonio Ventriglio. 2020. *The outbreak of COVID-19 coronavirus and its impact on global mental health*. International Journal of Social Psychiatry, 66(4): 317-320. <https://journals.sagepub.com/doi/pdf/10.1177/0020764020915212>
- Sheikh Salahuddin Ahmed. 2020. *The Coronavirus Disease 2019 (COVID-19): A Review*. Journal of Advances in Medicine and Medical Research, 32(4): 1-9.
- Lekhraj Rampal & Liew Boon Seng. 2020. *Coronavirus Disease(Covid-19) Pandemic*. Med J Malaysia, 75(1): 95-97.

Internet

- Amin al-Din Muhammad Ibrahim. *Maqasid al-Shari'ah wa Qadaya al-'Asr*. <https://iefpedia.com/arab/?p=13731> (diakses pada 8 April 2021).
- BERNAMA. Sinar Harian. *Ujian Swab Tidak Batalkan Puasa*. <https://www.sinarharian.com.my/article/80592/KHAS/Covid-19/Ujian-swab-tidak-batalkan-puasa>. (diakses pada 10 April 2021).
- Francesco Di Gennaro, Damiano Pizzol, Claudia Marotta, Mario Antunes, Vincenzo Racalbutto, Nicola Veronese & Lee Smith. *Coronavirus Diseases (COVID-19) Current Status and Future Perspectives: A Narrative Review*. <https://www.mdpi.com/1660-4601/17/8/2690/pdf> (diakses pada 8 April 2021).

Kementerian Kesihatan Malaysia. Situasi Terkini COVID-19 di Malaysia. <https://covid-19.moh.gov.my/terkini> (diakses pada 10 April 2021).

Kementerian Kesihatan Malaysia. Soalan Lazim Penyakit Coronavirus (Covid- 19). <http://www.myhealth.gov.my/wp-content/uploads/FAQ-COVID-19.pdf> (diakses pada 10 April 2021).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel in